

1981 DARI JAMAL ALI

JAKARTA, 13 OGOS (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA TIDAK ADA SEBARANG PERKARA RUMIT ATAU SENSITIF YANG BOLEH MEROSOTKAN PERHUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA.

BERUCAP DI JAMUAN NEGARA DI ISTANA MERDEKA MALAM INI, BELIAU MENAMBAH SEBARANG PERKARA RUMIT DAPAT DISELESAIKAN DALAM SEMANGAT MESYUARAH DAN KEKILUARGAAN.

PERDANA MENTERI YANG SEKARANG DALAM LAWATAN RASMI SELAMA DUA HARI KE INDONESIA BERIKRAR PERHUBUNGAN BAIK DAN MESRA YANG SELAMA INI TERJALIN DENGAN PARA PEMIMPIN MALAYSIA SAMA ADA YANG TERDAHULU DARINYA AKAN TERUS BERKEKALAN DI BAWAH PIMPINANNYA.

+MALAH SAYA AKAN BERUSAHA DENGAN LEBIH GIAT LAGI, INSYA-ALLAH AGAR PERHUBUNGAN KEDUA NEGARA KITA AKAN BERTAMBAH MENINGKAT LAGI KATANYA.

DI ANTARA MEREKA YANG HADIR DI JAMUAN ITU TIDAK ADA NAIB PRESIDEN INDONESIA, TUN ADAM MALIK, PARA MENTERI KANAN INDONESIA, MENTERI LUAR NEGERI TAN SRI GHAZALI SHAFIE, DUTA-DUTA NEGARA ASEAN SERTA LAIN NEGARA DAN ORANG-ORANG KENAMAAN.

SATE PERKEMBANGAN KEBERUSAHAAN TELAH JUGA DIADAKAN SEMPENA JAMUAN NEGARA ITU. — BERSAMBUNG 2131/MK

MAHATHIR - PERHUBUNGAN 2 JAKARTA

KATANYA, HASIL HUBUNGAN ERAT DI ANTARA KEDUA BUAH NEGARA TELAH DIPERKEMBANGKAN LAGI DENGAN ADANYA PELBAGAI BENTUK KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN.

+DEMI KEPENTINGAN BERSAMA, KITA TELAH MENUMPUKAN TENAGA BAGI MELAKSANAKAN RANCANGAN YANG DINAMIS DALAM BIDANG EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN DENGAN TUJUAN UNTUK MEMPERBAIKI DAN MENINGKATKAN LAGI TARAF HIDUP RAKYAT KITA KESELURUHANNYA, + TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA MEMANG MENJADI CITA-CITA POKOK ASEAN UNTUK MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA DI RANTAU INI SUPAYA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL DI DALAM NEGARA ASEAN DAPAT DITERUS SERTA DIPERTINGKATKAN TANPA TERJEJAS OLEH SEBARANG RINTANGAN ATAU GANGGUAN BAIK DARI DALAM MAHUPUN DARI LUAR.

MENURUT BELIAU SEKIRANYA NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI MENGHADAPI KETEGANGAN DAN PERGOLAKAN SUDAH TENTU KEAMANAN SERTA KESTABILAN AKAN TERANCAM.

AKIBATNYA SEGALA KEMAJUAN YANG DICAPAI DAN YANG DINIKMATI AKAN TERJEJAS. NEGARA ASEAN SEMESTINYALAH TERUS BERUSAHA MELAKSANAKAN KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKUCUALI, TEGASNYA. — BERSAMBUNG 2137/MK

3600

MAHATHIR - PERHUBUNGAN 3 JAKARTA

TENTANG KAMPUCHEA, DATUK SER I DR. MAHATHIR BERKATA
PENYELESAIAN ISU ITU ADALAH PENTING BAGI SEMUA NEGARA KERANA
INI AKAN DAPAT MEMBOLEHKAN SEMUA PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN
RAKYAT DITUMPUKAN TANPA CAMPURTANGAN ASING.

SEBELUM ITU, PRESIDEN SUHARTO DALAM UCAPANNYA, BERKATA
HUBUNGAN PERSAUDARAAN, SALING PERSEFAHAMAN SERTA PERCAYA
MEMPERCAYAI AKAN MELAHIRKAN KERJASAMA YANG TULUS IKHLAS ANTARA
KEDUA BUAH NEGARA.

KATANYA, HAL ITU DAPAT MEMBERI NANAFAT BAGI KEDUA BUAH NEGARA
SEBAGAI SUMBANGAN BAGI KESTABILAN DAN KETENANGAN DI KAWASAN
ASEAN.

MENGENAI KERJASAMA ASEAN, BELIAU BERKATA INDONESIA DAN MALAYSIA
SERTA NEGARA-NEGARA LAIN AKAN BERUSAHA MENGUATKAN LAGI
KESETIA-KAWANAN DAN TEKAD KE ARAH KETAHANAN WILAYAH DO RAN-f-AU
ASEAN.

PRESIDEN SUHARTO BERKATA DALAM USAHA MENYELESAIKAN SOAL
KAMPUCHEA, ASEAN TIDAK MAHU MEMUJUK SATU NEGARAPUN, TETAPI INGIN
MENYAKINKAN SEMUA PIHAK KE ARAH PERDAMAIAN. — BERNAMA 2140/MK